

# Rakyat perlu ubah minda jadi bangsa kelas pertama

B.H 30/08/07 M/S 13

Oleh Jami'ah Shukri

**A**PABILA menyatakan merdeka, kita merdeka dalam kehidupan bermasyarakat dan mengikut kebudayaan masing-masing. Namun, masih banyak peninggalan cara hidup dan budaya yang ditinggalkan penjajah membayangi kita.

Mungkin perkara paling ketara mengesannya adalah penggunaan bahasa Inggeris. Bagaimanapun, kita tidak dapat menolak bahasa itu yang sudah menjadi bahasa global khususnya untuk berkomunikasi dalam pelbagai perkara termasuk urusan perniagaan.

Persoalan inilah diajukan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim ketika rakyat bersiap sedia menyambut kemerdekaan negara ke-50 dengan penuh gemilang serta paparan pelbagai acara yang berupaya mengembalikan nostalgia 1957, esok.

"Adakah dengan menggunakan bahasa Inggeris bererti rakyat masih dijajah. Pada satu hakikat ia betul, tetapi pada hakikat lebih besar kita tidak dijajah. Dengan ilmu bahasa itu kita sudah mengapungkan diri untuk hidup dan berinteraksi pada peringkat global.

"Bagaimanapun, cara berfikir dan bertindak masih banyak yang belum diperbaharui. Kita perlu bertindak sebagai pemilik negara yang baru. Oleh itu budaya kerja mesti hebat, penilaian terhadap pencapaian perlu kemas dan semua sistem kehidupan, sistem pelajaran mesti mudah dan tidak mewujudkan polarisasi," katanya.

Mengenai undang-undang pula, kata Dr Rais, ia sudah menjadi perkara yang universal dan masih diguna pakai. Ada beberapa amalan dalam perundangan negara sekarang yang boleh diubahsuai, seperti

Undang-undang Kediaman Terhad 1973. Apa guna dipakai undang-undang itu sedangkan sudah ada Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri, Undang-undang Jenayah serta Undang-undang Hasutan dan banyak lagi undang-undang lain.

"Oleh itu, saya meminta supaya cerdik pandai undang-undang perlu melihat kembali aspek perundangan negara untuk diperbaharui mengikut musim, zaman dan tuntutan negara. Dari sudut itu, saya bersetuju masih ada perundangan negara yang tidak perlu wujud lagi.

"Ketika saya di Jabatan Perdana Menteri beberapa undang-undang sudah dicadangkan supaya dikaji semula termasuk undang-undang keselamatan dan undang-undang berkaitan perancangan dengan undang-undang sivil, tetapi tiada tindakan dibuat," katanya.

Dari segi pembangunan sosioekonomi, Malaysia gah dengan pembangunan infrastruktur yang hebat dengan memiliki bangunan tinggi, jalan raya yang cantik dan kemudahan komunikasi sehingga menjadi antara negara tersohor berbanding negara membangun lain yang seangkatannya.

Bagaimanapun, kata beliau, mentaliti masyarakat masih bertaraf kelas ketiga. Tingkah laku kita terhadap sistem kerja dan komunikasi antara manusia dengan manusia juga masih kurang.

"Kita kurang menilai kebersihan. Kita ada infrastruktur hebat tetapi selepas setahun ia menjadi kotor. Malaysia memiliki keindahan alam, tetapi dicatatkan mempunyai sungai paling kotor," katanya.

Dalam hal ini, seharusnya penekanan terhadap perkara itu bermula pada peringkat awal iaitu sekolah rendah supaya anak dapat menjiwai dan membudayakan cara hidup bersih, rajin dan bersikap positif.

Apa yang diharapkan juga selepas 50

tahun merdeka ialah program integrasi nasional yang ada diperhebatkan dan mencapai sasarannya sehingga ke akar umbi.

"Kita perlu membudayakan program yang ada dan lihat semula apa yang sudah dibuat. Ini adalah persoalan sebenarnya, tetapi apa yang dilihat ada yang sengaja pekakkan telinga untuk bersuara kerana takut tidak popular," katanya.

Justeru, Dr Rais berkata, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan memastikan gagasan kerajaan untuk pengisian kemerdekaan itu dilakukan dengan baik, sempurna dan memenuhi matlamatnya.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri atas kesedarannya mewujudkan Kementerian ini secara berasingan. Sebelum ini, kebudayaan dikaitkan dengan sukan, pelancongan dan penerangan tetapi, sejak 2004, kementerian ini diwujudkan yang mengkhusus kepada kesenian, kebudayaan dan warisan.

"Saya yakin, setiap perkara yang dilakukan, akhirnya akan berbalik kepada identiti, cita rasa perjuangan, warisan kita dan siapa kita. Kita sudah banyak ketinggalan dari segi bahasa, budaya seni dan warisan. Dengan ada kementerian ini, perancangan lebih terperinci dapat dilaksanakan," katanya.

Bagi beliau, agenda melaksanakan pengisian kemerdekaan menerusi budaya, kesenian dan warisan sesuatu yang sangat bijak. Bab 23, buku Rancangan Malaysia Kesembilan jelas menyatakan terhadap cita-cita kita dalam bidang terbabit.

"Menerusi kebudayaan, kesenian dan warisan kita dapat menjawab siapa kita dan matlamat kita. Sebagai orang Melayu, apakah kita bersetuju saja bahasa Inggeris dijadikan bahasa ilmu dan mengapa bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa ilmu. Persoalan ini masih belum dijawab.

"Saya berpendapat jika bahasa Inggeris boleh mencapai tahap sejauh itu, bahasa Melayu juga boleh. Unjuran terdahulu sudah dibuat. Bahasa Inggeris sudah menjadi bahasa rasmi penyampaian pengajaran matematik dan sains. Saya berharap bahasa Melayu hidup semula sebagai bahasa ilmu dan boleh menterjemahkan ilmu dari bahasa lain untuk diamalkan," katanya.

Dr Rais berkata, konsep kebudayaan di Malaysia sebenarnya sudah dijelaskan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein, ketika beliau merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Universiti Malaya, 6 Ogos 1971.

Abdul Razak ketika itu menyatakan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang baru diluluskan perlu berteraskan budaya asal rakyat rantau ini. Bagaimanapun ia tidak disusuli dengan sistem dan tindakan yang bersungguh-sungguh.

**“ Kita perlu budayakan program yang ada dan lihat semula apa yang sudah dibuat. Ini adalah persoalan sebenarnya, tetapi apa yang dilihat ada yang sengaja pekakkan telinga untuk bersuara kerana takut tidak popular”**

**Rais Yatim**

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

